

	<p><b>KENYATAAN / SIARAN AKHBAR</b> Untuk maklumat lanjut sila hubungi: <b>Bahagian Komunikasi Korporat</b> <b>Perbadanan Putrajaya</b> Tel: 03-8887 7033 Faks: 03-8881 1008</p>
---	--

## **PUTRAJAYA BIRD RACE PROGRAM BAHARU PUTRAJAYA**

**PUTRAJAYA, 16 NOVEMBER 2019** – Seramai 300 peserta menyertai *Putrajaya Bird Race 2019 (PBR2019)* yang berlangsung di Taman Wetland, Presint 13 Putrajaya. Acara pelepasan peserta agensi terbuka dan agensi kerajaan/swasta disempurnakan oleh Naib Presiden Jabatan Landskap dan Taman, Perbadanan Putrajaya (PPj), YBhg. Datuk Lar. Haji Baharuddin Bin Aziz.

Turut hadir bersama Pengarah Komunikasi Korporat PPj, YM Tengku Aina binti Tengku Ismail Shah.

Bird Race adalah aktiviti pemerhatian dan merekod spesies-spesies burung di suatu kawasan tertentu dalam masa yang ditetapkan. Acara yang julung kali diadakan ini merupakan usaha PPj dalam mempromosikan Putrajaya sebagai destinasi eko pelancongan dan destinasi *urban birding* Malaysia bersempena Sambutan Tahun Melawat Malaysia 2020.

Program dengan kolaborasi Nature Educational Society (NEST) ini adalah untuk memperkenalkan kepelbagaian spesies burung-burung yang terdapat di Putrajaya di samping mewujudkan kesedaran terhadap kepentingan pemeliharaan alam sekitar.

Terdapat 3 kategori yang dipertandingkan iaitu kategori terbuka, kategori sekolah dan kategori agensi kerajaan/swasta. Setiap kumpulan terdiri daripada 3 orang iaitu pemerhati, pengguna teropong, dan pencatat. Pertandingan ini akan melibatkan 8 *check point* di tiga kawasan iaitu di Taman Wetland, Taman Botani dan Taman Rimba Alam. Kumpulan yang dapat mengenalpasti spesies burung yang terbanyak akan dinobatkan sebagai pemenang. Hadiah bernilai RM5,000 disediakan untuk bakal pemenang-pemenang Bird Race Putrajaya.

Disamping itu, PPj juga turut mengadakan Pertandingan Fotografi Burung Putrajaya dan bakal johan akan membawa wang tunai sebanyak RM1,500, tempat kedua RM1,000, tempat ketiga RM500, tempat keempat hingga kelapan akan membawa hadiah berjumlah RM200.

Bagi memeriahkan lagi program, pelbagai pengisian berbentuk perkongsian ilmu dan riadah seperti bengkel *backyard buddy*, bengkel demo *bird bath*, *bird feed* dan *bird house*, *photography talk*, *story telling* burung, bengkel origami, permainan

tradisional, aktiviti memamah tradisional serta *face painting* dan *sand art* turut diadakan buat para pengunjung yang hadir. Selain itu, PPj juga turut mengadakan pertandingan meluncur kapal terbang kertas, pertandingan teka lagu burung, pertandingan tiru suara burung dan pertandingan mewarna *doodle*.

Putrajaya merupakan sebuah bandar raya yang terancang dan telah menunjukkan pencapaiannya dalam pembangunan yang menitikberatkan keseimbangan alam semulajadi. Ekosistem yang baik di dalam bandar telah menarik kepelbagaian khazanah flora dan fauna. Berdasarkan rekod PPj, Jabatan Perhilitan dan NEST, terdapat lebih daripada 200 spesies burung di Putrajaya.

Untuk pertanyaan lanjut berhubung *Putrajaya Bird Race 2019*, sila hubungi, En. Mohd Fairus Bin Mohd Padzil di talian 03-8887347/019-3354346 atau Encik Ahmad Fazila Othman di talian 03-88877325/012-5761490.



**(TENGGU AINA BINTI YTM TENGGU ISMAIL SHAH)**

**Pengarah**

**Bahagian Komunikasi Korporat**

b.p. Presiden Perbadanan Putrajaya

Tarikh: 15 November 2019